

banyak menzahirkan anak yang tidak berayah dan menurunkan maruah orang tuanya yang bersifat masih ketimuran – tidak bersifat kebaratan.

Sebab-sebab yang diberi oleh Tuan Louis berkenaan dengan kekurangan guru-guru itu tidaklah boleh dibawa atau dijadikan hujah untuk mencampurkan murid-murid perempuan di dalam satu kelas dengan murid-murid lelaki kerana tidak menjadi satu mani’ – khususnya di dalam sekolah permulaan – guru-guru lelaki mengajar kanak-kanak perempuan. Kita yakin tidak ada bantahan di dalam perkara ini, yang dibantah ialah mencampurkan di antara murid-murid lelaki dengan perempuan di dalam sesuatu kelas kerana ia akan membawa punca akibat-akibat yang besar atas keruntuhan akhlak.

Kita percaya dan berharap mudah-mudahan Jabatan Pelajaran menghapuskan cadangannya itu untuk faedah keselamatan akhlak dan budi pekerti orang-orang Timur dengan berharap janganlah kiranya sekolah-sekolah kerajaan itu ditaja untuk membaratkan terus orang-orang timur supaya berkelakuan kebaratan yang meruntuhkan akhlak mereka menurut pandangan orang timur apalagi bagi orang Islam.

*

Minta Perhatian Ulama-ulama

Dalam lain muka keluaran ini kita ada menyiarkan seruan Kiyai Hāshīm Ash‘ārī penaja Pertubuhan Nahḍah al-‘Ulamā’ dua puluh tahun yang lalu kepada ulama-ulama di Indonesia yang pada masa itu sangat kuat serang-meny Serang di dalam perbincangan yang mengenai masalah yang dinamakan masalah *khilafiyah*. Kita siarkan seruannya itu adalah dengan tujuan meminta perhatian daripada ulama-ulama kita di semenanjung ini, yang nampaknya, daripada apa yang dapat kita lihat bahawa kebanyakannya daripada fikiran dan perhatian orang-orang kita adalah sentiasa berbahas dengan panjang lebar di atas masalah-masalah sebagaimana yang digambarkan oleh Kiyai Hāshīm Ash‘ārī itu pada hal di sekeliling masyarakat kita, anak-anak muda yang bakal

menggantikan kedudukan kita sudah banyak yang menjauhan dirinya daripada agamanya, agama yang diterima daripada ibu bapanya.

Sebab-sebab mereka itu menjauhan diri tidak

lain kerana aliran-aliran yang ada di sekelilingnya dan di sebalik itu pula kerana mereka sentiasa melihat bahawa tidak putus-putusnya terbit perselisihan-perselisihan dan pertentangan-pertentangan di antara ulama dengan ulama di dalam beberapa banyak masalah yang dibesar-besarkan perbincangannya yang menjadi sebab kepada mereka itu, kerana kurang pengertiannya tentang hukum-hukum agama, sudah menjadi serba salah, yang mana satu hendak dipegang sebab kedua-dua belah pihak masing-masing membawa hujah-hujahnya sedang yang menjadi pengadil untuk menetapkan hujah mana yang benar atau hujah mana yang salah, tidak ada.

Kita sebutkan yang di atas ini ialah mengikut daripada pandangan orang-orang awam yang melihat perbincangan-perbincangan yang tidak putus-putusnya itu, lepas satu, satu lagi timbul. Perkara-perkara itu sedang di dalam masa itu, sebagaimana kita sebutkan di atas hal-ehwal yang mustahak, diperhatikan atau yang mustahak dikawal oleh ulama-ulama itu bocor dan akibatnya perasaan tidak puas hati melihat keadaan-keadaan yang serupa itu timbul khususnya di dalam lingkungan pemuda-pemuda yang bakal menggantikan tempat mereka.

Pemuda-pemuda kita sedikit benar yang cenderung dan mempunyai keyakinan kepada agamanya; lebih banyak daripada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi kita yang tidak acuh lagi tentang hukum-hukum agamanya apalagi mentaatinya. Ini kita fikir tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun kerana dapat kita lihat bagaimana jauhnya sudah perjalanan mereka tersimpang daripada maksud dan kehendak-kehendak yang diajarkan oleh agama. Hal ini lebih-lebih lagi bagi mereka yang berpelajaran Inggeris, yang telah banyak membaca buku-buku Barat sehingga ada di antara golongan-golongan ini yang telah menjalankan langkah bukannya sahaja sudah meninggalkan agamanya tetapi telah menjadi golongan-golongan yang menafikan wujudnya Allah Subḥānahu wa Ta‘ālā; sedang di dalam kejadian-kejadian yang serupa itu telah ada ulama kita masih kuat lagi mempersoalkan

masalah-masalah yang tersebut mengambil masa dan ketika yang terluang baginya semata-mata untuk itu sedang masyarakat di sekelilingnya yang berharap dapat suluhan daripadanya tidak mendapat apa-apa selain daripada sediki benar yang menerimanya.

Tidak payah kita memberikan keterangan-keterangan tentang satu-persatu dalam hal ini. Tetapi kita hanya suka membawa perhatian ulama-ulama kita supaya memerhati dari sekarang kepada perubahan keadaan-keadaan yang meliputi di sekeliling kita yang jika tidak dijaga akan membawa kekalahan dan keruntuhan di negeri kita ini.

Kita sudah melihat segala angkara mereka yang berlaku di sekeliling kita. Minum arak, judi, perzinaan, tipu daya dan seumpamanya dalam pekerjaan-pekerjaan mungkar yang telah dilakukan oleh anak-anak kita dan pemuda-pemuda kita dengan tidak tabik kecuali lagi. Mereka melakukan itu mereka tahu akan dosa dan kesalahannya tetapi mereka buat dan berani mereka membuatnya; berani melanggar larangan atau tegahan yang terang-terang dilaknat oleh Tuhan. Mengapa?

Soalnya tidak lain ialah kerana iman mereka itu meyakinkan keesaan Tuhan dan kebesaran serta kekuasaan-Nya tidak ada atau sangat tipis sekali. Ringkasnya pelajaran tawhid atau mengesakan Tuhan dengan seyakin-yakinnya tidak tertanam kepada diri mereka dan perkara meyakinkan keesaan Tuhan inilah menjadi kewajipan yang besar kepada ulama-ulama dengan suatu kaedah dan cara yang bersesuaian dengan keadaan dan masa yakni dalam memberi pertunjuk dan perbandingan supaya mereka suka menggunakan fikiran mereka dan akal mereka dengan melihat kepada kejadian-kejadian alam sebagaimana juga yang diberi pertunjuk oleh Tuhan menyuruh manusia berfikir kepada-Nya dengan fikiran-fikiran yang sempurna dan waras.

Bagaimana kita dapat menyeru kepada mereka itu kepada jalan Allah jika puncanya untuk mentawhidkan Allah itu tidak diyakini oleh mereka? Kita percaya bahawa apabila umat

telah menjadi umat yang bertawhid dengan yakin timbul dengan sendirinya kita tidak akan melihat pemuda-pemuda kita melakukan perbuatan-perbuatan 'īsī atau perbuatan-perbuatan yang ditegah dengan tidak payah ditunjukkan dan dikhabarkan penderitaan yang bakal mereka terima jika mereka melanggar hukum-hukumnya.

Cara menunjukkan keyakinan bertawhid kepada Allah itulah perkara yang besar dengan tidak melupakan bahawa untuk menanamnya itu mestilah masuk di dalam akal dan fikiran mereka kerana agama juga menyatakan tidak ada agama bagi orang yang tidak berakal.

Kita menyeru kepada ulama-ulama supaya mengambil perhatian yang sangat berat di dalam perkara ini untuk menyelamatkan orang-orang kita yang telah menjauhkan diri daripada agamanya. Melakukan ini terlebih utama daripada menyeru orang yang di luar Islam masuk kepada Islam.

Marilah kita menjauhkan pertentangan-pertentangan dan membahaskan perkara-perkara yang telah dibahas tidak putus-putusnya daripada zaman-berzaman itu. Biarlah masing-masing orang yang mengeluarkan fahamannya di hadapan khalayak ramai asalkan fahaman mereka itu masih terkandung di dalam kalimah *la ilaha illa Allāh Muḥammad Rasūl Allāh*. Bawalah pertentangan itu hanya sebagai perbahasan bertukar-tukar fikiran dan tinggalkan kepada ramai untuk mengikut mana yang mereka kehendaki di dalam lingkungan kalimah tawhid itu. Serulah mereka itu kepada jalan Allah dengan hikmah dan kebijaksanaan serta dengan cara yang sebaik-baiknya - tidak dengan cara paksaan; dan di sebalik itu bersama-samalah berusaha untuk menjauhkan pemuda-pemuda atau masyarakat kita daripada menjauhkan diri dari seruan agama kita; tanamlah sedalam-dalamnya bersama-sama akan ajaran tauhid dengan suatu cara melihat dan memberi contoh kepada kejadian-kejadian alam sebagaimana yang dibuat oleh ulama-ulama kita pada zaman ini yang contohnya sebagaimana yang dibuat oleh Kiyai Haji Anwar Musaddad. Bukalah akal dan fikiran pemuda-pemuda kita kepada

Sambungan pada muka 38

baik tetapi kepada cara berdoa iaitu dengan hati yang ikhlas lagi khusyu' dan orang yang berdoa itu hendaklah taat setia mengerjakan perintah Tuhan dan menjauhkan larangan-Nya.

Anak Cina

'Umar Hussain, Klang bertanya: Apa hukumnya anak Cina (Musyrik) yang dipelihara oleh orang Islam dari kecilnya tiba-tiba mati sebelum baligh, bolehkah ditanam secara Islam?

Jawab: Wajib ditanam secara Islam, kerana semua kanak-kanak – anak Islam atau anak kafir – yang belum baligh masih bersih; tidak menanggung dosa seperti yang diterangkan oleh hadis sahih:

“Mā min mawlūd illa yūlad ‘alā al-ḥiṭrah, fa abawāhu yuhawwidānihi aw yunaṣṣirānihi aw” (R. al-Bukhārī wa Muslim)

Ertinya: “Tidak seorang anak pun melainkan diperanakkan atas kesucian semulajadi, maka ibu bapalah yang meyahudikannya atau menasranikannya atau memajusikannya”

Nyata di dalam hadis ini tidak dibezakan di antara kanak-kanak Islam atau kanak-kanak kafir. Lebih jelas lagi seperti yang tersebut di dalam hadis yang sebuah lagi ini:

“‘An Samrah, ‘an al-Nabiyyu ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam, qāla: Kullu mawlūd yūlad ‘alā al-ḥiṭrah, fanādahu al-nās: Ya Rasulullāh wa awlād al-mushrikīn? Qāla: Wa awlād al-mushrikīn”. (R. Abū Bakr al-Barqānī)

Ertinya: Daripada Samrah, daripada Nabi (S.A.W) sabdanya: “Tiap-tiap anak diperanakkan atas kesucian semulajadi” Sahabat-sahabat pun bertanya: “Ya Rasulullah? Adakah anak-anak musyrik demikian juga?” Nabi menjawab: dan anak-anak musyrik

demikian juga!”

lebih tegas lagi hadis “Hasan” yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad ini:

“‘An Khansā’ binti Mu‘āwiyah bin Ṣarīm ‘an ‘ammahū qālat qultu: Ya Rasulullāh man fī al-jannah? Qāla: Al-Nabiyyu fī al-jannah wa al-shahīd fī al-jannah wa al-mawlūd fī al-jannah”.

Ertinya: “Daripada Khansā binti Mu‘āwiyah bin Ṣarīm daripada ibu saudaranya, katanya: Aku pernah bertanya: Ya Rasulullah! Siapakah dalam syurga?” Lalu Nabi menjawab: “Nabi di dalam syurga, orang yang mati syahid di dalam syurga, dan kanak-kanak di dalam syurga.”

Setelah jelas bahawa kanak-kanak musyrik itu bersih daripada dosa dan tempatnya di dalam syurga, maka kanak-kanak musyrik yang dipelihara oleh orang-orang Islam wajib diurus secara Islam apakala ia meninggal dunia sama seperti kanak-kanak Islam sendiri, yakni disembahyangkan dan dikuburkan dalam perkuburan Islam.

Sambungan dari muka 5

jalan beragama kerana dengan membuka akal dan fikiran itulah sahaja dapat menguatkan perdirian dan keyakinan mereka. Dengan itu sahajalah nanti, jika diusahakan, kita akan melihat pemuda-pemuda Islam tidak gentar menghadapi maut, menghadapi atom bom kerana memperjuangkan kalimah Allah *Hiya al-‘Ulyā* dan mempunyai keyakinan yang tidak berganjak bahawa hidup dan mati mereka adalah semata-mata kerana mencari keredhaan Allah!

Wahai ulama! insafilah – janganlah kita menghabiskan masa kita dalam masalah-masalah itu sahaja sedang tanggungan menyakinkan pemuda-pemuda kita kepada Allah terbiar. Mudah-mudahan Allah memberi tawfiq dan hidayah kepada kita bersama untuk menegakkan kemuliaan agama kita – Amin.